



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA ISO (JKISO) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KALI KE-17**

Tarikh : 7 Februari 2014
Masa : 3.00 petang
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran
Universiti Putra Malaysia
Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Pendahuluan	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi :</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih atas kehadiran ahli Jawatankuasa Jaminan ISO (JK ISO) Universiti Putra Malaysia ke Mesyuarat Kali ke-17;</p> <p>(b) menyampaikan salam Y. Bhg. Dato' Pendaftar yang tidak dapat mempengerusikan mesyuarat pada kali ini kerana ada urusan yang tidak dapat dielakkan;</p> <p>(c) memaklumkan bahawa UPM berjaya meningkatkan ranking penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2013 ke tempat 16 dan ranking tertinggi dari benua Asia. Penarafan ini merupakan hasil daripada komitmen dan usaha UPM seperti pelaksanaan MS ISO 14001 (EMS) dan program inisiatif hijau untuk memastikan kelestarian, kehijauan kampus dan alam sekitar; dan</p> <p>(d) dimaklumkan bahawa pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd akan menerbitkan versi baharu bagi standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) selaras dengan penaiktarafan ISMS ISO/IEC 27001:2005 kepada ISMS ISO/IEC 27001:2013. UPM akan diberi diberi taklimat oleh pihak SIRIM mengenai penaiktarafan versi dan dokumen-dokumen yang terlibat dengan perubahan tersebut.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 17.1	<p>Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lepas</p> <p>Minit Mesyuarat kali ke-14, Minit Mesyuarat kali ke-15 (Khas) dan Minit Mesyuarat kali ke-16 (Khas) yang masing-masing telah diadakan pada 12 Julai 2013, 7 November 2013 dan 18 Disember 2013 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
Minit 17.2	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKJK kali ke-14, kali ke-15 (Khas) dan kali ke-16 (Khas) seperti mana kertas yang diedarkan, dan mesyuarat -</p> <p>(a) <u>Minit 15.1(C)</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa PTJ perlu menghantar laporan pemantauan bagi memastikan aktiviti penjimatan elektrik dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat PTJ yang belum menghantar laporan pemantauan aktiviti penjimatan elektrik kepada Pusat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) setiap bulan.</p> <p>(b) <u>Minit 15.1(g)</u></p> <p>Mesyuarat mengambil perhatian serius mengenai isu pengurusan makmal di PTJ dan meminta PTJ mengambil tindakan yang sewajar berkaitan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) klasifikasi makmal yang tidak jelas samada makmal pengajaran atau makmal penyelidikan. Sehubungan itu, PTJ diminta menentukan klasifikasi makmal pengajaran, penyelidikan atau makmal guna sama; (ii) penandaan nama makmal yang tidak seragam di PTJ. Sehubungan itu, makmal hendaklah dinamakan dengan jelas dan seragam supaya mudah dikenal pasti; dan (iii) pelaksanaan pengurusan yang tidak menepati keperluan prosedur Pengurusan Bahan Kimia dan prosedur Pengurusan Sisa Terjadual. Dalam hal ini, PTJ bertanggungjawab perlu memastikan semua prosedur berkenaan dipatuhi supaya amalan pengurusan alam sekitar dapat dilaksana dengan berkesan. 	TWP PTJ TWP PTJ

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 17.3	<p>Pindaan Dokumen ISO</p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(a) Mengambil maklum bahawa dokumen yang terlibat dalam semakan ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Manual Kualiti MS ISO 9001:2008; ii. Prosedur Audit Dalaman MS ISO 9001:2008; iii. Manual EMS MS ISO 14001:2004; iv. Prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek dan Impak Alam Sekitar MS ISO 14001:2004; dan v. Prosedur Audit Dalaman MS ISO 14001:2004. <p>(b) menimbang dan meluluskan cadangan pindaan dokumen ISO iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 sepermata ringkasan pindaan di Lampiran 1; dan</p> <p>(c) bersetuju agar tarikh pindaan berkuatkuasa pada 20 Februari 2014.</p>	<p>Makluman</p> <p>PKD</p> <p>PKD</p>
Minit 17.4	<p>Laporan Audit ISO</p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(a) dimaklumkan bahawa Audit Dalaman UPM bagi Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008) akan diadakan pada 17 hingga 20 Mac, 31 Mac hingga 3 April 2014 dan 13-14 Mei 2014 merupakan tempoh Audit Dalaman di UPM. Jadual bagi penetapan PTJ adalah seperti mana kertas yang telah diedarkan. Sehubungan itu, ahli mesyuarat disyor melaksanakan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memaklumkan kepada warga PTJ berkaitan tarikh Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti; ii. melaksanakan semakan kendiri bagi memastikan sistem pengurusan kualiti dilaksana dan diselenggara dengan berkesan; dan iii. meluluskan Pegawai yang terlibat sebagai Juruaudit Universiti untuk menjalankan Audit Dalaman. <p>(b) mengambil ingatan supaya PTJ memberi maklum balas segera jika ada sebarang masalah berhubung dengan tarikh yang dijadualkan bagi memastikan kelancaran</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP Peneraju / TWP PTJ</p> <p>TWP Peneraju / TWP PTJ</p> <p>TWP Peneraju / TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Audit Dalaman 2014;</p> <p>(c) mengambil perhatian mengenai <i>trend</i> penemuan audit tahun-tahun sebelum ini iaitu ketidakakuratan terhadap kawalan operasi terutama berkaitan dengan pengurusan makmal. Sehubungan itu, PTJ perlu bekerjasama dengan Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) dalam memantau pelaksanaan prosedur dan garis panduan yang berkaitan;</p> <p>(d) mengambil ingatan agar PTJ melaksanakan pelan tindakan yang telah disediakan ke atas peluang penambahbaikan (OFI) dan ketakakuratan (NCR) yang diterima semasa Audit Pemantauan SIRIM 2013;</p> <p>(e) mengambil maklum mengenai Status Pelan Tindakan Maklum Balas Audit Tahap 1 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001:2004) seperti mana di Lampiran 2; dan</p> <p>(f) mengambil maklum bahawa UPM perlu bukti bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar berkaitan pelepasan udara dari kebuk wasap di semua makmal pengajaran. Walau bagaimanapun, PPKKP menghadapi kesukaran untuk menentukan jumlah kebuk wasap yang ada di semua makmal kerana tidak mendapat maklum balas sepenuhnya daripada fakulti. Sehubungan itu, fakulti berkenaan diminta memberikan maklum balas segera kepada pihak PPKKP supaya bukti pelaksanaan pelan tindakan dapat dikemukakan kepada SIRIM pada bulan Mac 2014.</p>	<p>TWP Peneraju / TWP PTJ yang berkaitan</p> <p>TWP PTJ yang berkaitan</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PTJ yang berkaitan</p>
Minit 17.5	<p>Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2013</p> <p>Mesyuarat :</p> <p>(a) meneliti dan menimbang laporan pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2013 (Januari hingga Disember 2013) seperti di Lampiran 3,</p> <p>(b) mengesyorkan mana-mana PTJ yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan perlu mengambil tindakan pembetulan dengan mengisi borang Ketakakuruan (PGR/BR03/KKP) dengan mengambil kira punca masalah yang sebenar, dan</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP Peneraju / TWP PTJ berkenaan</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	(c) mengambil ingatan mana-mana PTJ yang belum menentukan sasaran petunjuk prestasi (KPI) bagi Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2014 hendaklah mengemukakan sasaran tersebut kepada Bahagian Jaminan Kualiti UPM.	TWP PTJ berkenaan
Minit 17.6	<p>Hal-hal lain</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) meneliti kertas Laporan Pemurnian Dokumen Proses Utama Prasiswazah di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), MS ISO 9001:2008 bagi tahun 2014 dan mengambil maklum isu-isu berikut-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) satu prosedur proses prasiswazah berkemungkinan akan digabungkan dengan proses siswazah, iaitu Pembentukan Program Baharu dan Penstruktur/Semakan Semula Program. Walau bagaimanapun, Bahagian Akademik dan Sekolah Pengajian Siswazah masih dalam proses penelitian untuk melihat kesesuaian bagi menyelaras atau menggabungkan prosedur berkaitan. (ii) Tindakan susulan lanjutan daripada dua bengkel SPK yang diadakan pada 4-5 Disember 2013 dan 6 Januari 2014 adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Semakan dan pemurnian semua dokumen terlibat mengikut pemilik proses/unit di Bahagian Akademik pada pertengahan Januari pada pertengahan Mac 2014; b) Pembentangan kepada Dekan, Timbalan Dekan Akademik dan Pegawai Tadbir (Akademik) pada hujung Mac 2014; c) Pemurnian mengambil kira maklum balas semasa pembentangan pada awal April 2014; d) Cadangan Pindaan Dokumen (CPD) dan Penguatkuasaan ke Bahagian Jaminan Kualiti (BJK) UPM pada pertengahan April 2014; dan 	Makluman TWP Akademik / TWP Siswazah TWP Akademik

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>e) Kuatkuasa kepada pelajar baharu Semester Pertama Sesi 2014/2015</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Diploma (UPM Bintulu) yang mendaftar Jun 2014 ii. Bachelor yang mendaftar pada September 2014 <p>(b) mengambil maklum mengenai kekeliruan berkaitan penggunaan kepala surat rasmi original untuk kegunaan dalaman yang melibatkan perhubungan antara PTJ terutama apabila berurusan dengan Bursar. Sehubungan itu, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) diminta membuat ketetapan mengenai penggunaan kepala surat rasmi.</p>	Ketua BJK / MarComm
Penutup	<p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.15 petang.</p>	Makluman

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : 7 Februari 2014
 Masa : 3.00 petang
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran
 Universiti Putra Malaysia

Kehadiran

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Puan Noorizai binti Mohamad Noor	Pejabat Pendaftar/Pengerusi Mesyuarat
2.	Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh	TWP EMS
3.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Bahagian Akademik
4.	Tuan Haji Hashim bin Md. Shari	TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	Puan Rohani binti Abdul Latif	TWP (PP) Pejabat Bendahari
6.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
7.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
8.	Puan Hamidah binti Meseran	TWP (PTJ) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
9.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
10.	Tuan Haji Anuar bin Hj. Ahmad	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11.	Encik Roslan bin Parjo	TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
12.	Encik Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
13.	Encik Fauzi bin Che Yusuf	TWP (PP) Kolej Kediaman
14.	Encik Julbakar bin Tajudin	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan Veterinar
15.	Encik Mohd. Nazri bin Noh	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
16.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains
17.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
18.	Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah bin Hj. Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
19.	Encik Shari Shawarudin bin Pandak Osman	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
20.	Encik Ab. Malek bin Simon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
21.	Encik Amiruddin bin Abdul Aziz	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
22.	Tuan Hj. Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
23.	Encik Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
24.	Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
25.	Encik Nalong Anak Buda (secara v.c.)	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
26.	Encik Hisyamuddin bin Hashim	TWP (PTJ) Pusat asasi sains Pertanian
27.	Tuan Haji Jamsari bin Tamsir	TWP (PTJ) Institut Biosains
28.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
29.	Encik Saheh bin Said	TWP (PTJ) Institut Gerontologi
30.	Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
31.	Encik Jamalludin bin Mohd Yatim	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial

Turut Hadir

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Encik Azlan bin Ibrahim	Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser
2.	Encik Mohd. Naim bin Mohd. Ishak	Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
3.	Puan Nor Afidah binti Miskam	Pejabat Peng. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
4.	Puan Rozi binti Tamin	Pejabat Pendaftar
5.	Puan Noraihan binti Nordin	Pejabat Pendaftar
6.	Encik Mat Razi bin Abdullah	Pejabat Pendaftar
7.	Cik Mahmudah binti Aunudin	Pejabat Pendaftar
8.	Encik Mohamad Saroto bin Sairan	Pejabat TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
9.	Encik Nasrul Amri bin Selamat	Sekolah Pengajian Siswazah
10.	Puan Salmah binti Abdullah	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
11.	Puan Latifah binti Amir	Taman Pertanian Universiti
12.	Encik Wan Mohd. Radzi Wan Ismail	Pusat Islam
13.	Puan Hjh Mastura binti Abd. Rahim	Pejabat Bursar
14.	Puan Siti Nadirah binti Mat Na'an	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
15.	Encik Mohd. Firdaus bin Abd. Samad	Pejabat Penasihat Undang-Undang
16.	Puan Norazaidah binti Yahaya	Fakulti Pengajian Pendidikan
17.	Puan Salmee Suhana binti Hashim	Fakulti Kejuruteraan
18.	Puan Ummi Kalthum binti Abdullah	Institut Teknologi Maju
19.	Puan Wan Fara Shuhadah binti Wan Mustaffa	Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
20.	Puan Roszini binti Mohamad Nor	Akademi Sukan
21.	Puan Noorfaizah binti Anuar	Institut Penyelidikan Produk Halal
22.	Encik Mohd. Izhwan bin Muhamad	Fakulti Kejuruteraan
23.	Puan Susanty binti Nazmi	Fakulti Rekabentuk dan Senibina
24.	Puan Nur Nadjla Ahmad Razei	Fakulti Ekonomi Pengurusan
25.	Puan Ruhaizan Abdul Rahman	Fakulti Rekabentuk dan Senibina
26.	Puan Mahani binti Amat	Pusat Transformasi Komuniti Universiti

Tidak hadir (dengan kenyataan)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Dato' Wan Azman bin Wan Omar - Pengerusi	Pendaftar/WP
2.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
3.	Puan Chek Zan binti Kasah	TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pej. TNC(Jaringan Industri dan Masyarakat)
5.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
6.	Puan Rosmala binti Abdul Rahim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
7.	Puan Hasliza binti Zakaria	TWP (PTJ) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
8.	Encik Muhammad Adil bin Ahmad	TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang
9.	Tuan Haji Latif bin Anwar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan
10.	Tuan Haji Abdul Ghani bin Hashim	TWP Taman Pertanian Universiti
11.	Tuan Haji Ruslan bin Mohammad	TWP(PTJ) Fakulti Kejuruteraan
12.	Encik Mustafa bin Che Ali	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan

BIL.	NAMA	JAWATAN
13.	Encik Mustaffa bin Hj. Dollah	TWP(TJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
14.	Encik Asbullah bin Mohd. Yusuf	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
15.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika
16.	Encik Norrzuan bin Yusof	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
17.	Encik Mohd Khairi bin Hasan	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
18.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan

KELULUSAN CADANGAN PINDAAN/TAMBAHAN DOKUMEN (CPD)

Peneraju Proses: Bahagian Jaminan Kualiti UPM

Borang Permohonan Cadangan/Tambahan Dokumen (CPD) untuk mendapatkan kelulusan pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO Universiti Putra Malaysia (JKISO UPM) Kali Ke-17 yang diadakan pada 07 Februari 2014 .

Tarikh kuatkuasa pada 20 Februari 2014

(* Tarikh Kuatkuasa merujuk kepada tarikh yang ditetapkan dan sila berhubung dengan PKD sekiranya perlukan tarikh kuatkuasa lain)

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		<u>Tambahan (T)/ Pemotongan(P)</u>
		Asal	Baharu	
EMS 1/2014	BJK UPM	<p>Nama Dokumen: Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar Kod Dokumen: UPM/ISO/EMS/MK <u>No. Semakan: 00 No. Isu: 01 Tarikh Kuatkuasa: 15/07/2013</u></p> <p>2.0 OBJEKTIF DAN SKOP</p> <p>Objektif Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar ini adalah untuk membantu UPM dalam pengenalan, pelaksanaan dan penyelenggaraan EMS MS ISO 14001:2004 dengan cara yang praktikal, konsisten dan berkesan.</p> <p>Skop EMS ini merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran.</p>	<p>Nama Dokumen: Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar Kod Dokumen: UPM/ISO/EMS/MK <u>No. Semakan: 01 No. Isu: 01 Tarikh Kuatkuasa: 20/02/2014</u></p> <p>3.0 OBJEKTIF DAN SKOP</p> <p>Objektif Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar ini adalah untuk membantu UPM dalam pengenalan, pelaksanaan dan penyelenggaraan EMS MS ISO 14001:2004 dengan cara yang praktikal, konsisten dan berkesan.</p> <p>Skop EMS ini merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran <u>kecuali aktiviti perkhidmatan yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.</u></p> <p><u>Pemetaan proses bagi skop Pembelajaran dan pengajaran adalah seperti pada Lampiran 2.</u></p>	T

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		Tambah (T)/Pemotongan(P)
		Asal	Baharu	
		<p>3.3.1 Sumber, Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa</p> <p>Pendaftar adalah Wakil Pengurusan Alam Sekitar yang ditetapkan manakala pegawai berkepakanan iaitu Pensyarah Fakulti Kejuruteraan adalah Timbalan Wakil Pengurusan EMS. Jawatankuasa Pepandu EMS telah ditubuhkan untuk mengkaji dan memantau pelaksanaan dan penyelenggaraan EMS MS ISO 14001 serta memastikan Dasar EMS boleh dipatuhi serta objektif dan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.</p> <pre> graph TD A[JAWATANKUASA PEPANDU EMS] --- B[JAWATANKUASA JAMINAN KUALITI EMS] B --- C[JAWATANKUASA KERJA EMS] C --- D[Aspek dan Impak Persekitaran] C --- E[Perundangan] C --- F[Objektif, Sasaran dan Program Persekitaran] C --- G[Dokumentasi] </pre> <p>Rajah 1: Struktur Organisasi Sistem Pengurusan Alam Sekitar UPM</p>	<p>3.3.1 Sumber, Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa</p> <p>Pendaftar adalah Wakil Pengurusan yang ditetapkan manakala pegawai berkepakanan iaitu Pensyarah Fakulti Kejuruteraan adalah Timbalan Wakil Pengurusan EMS. Jawatankuasa Pepandu EMS telah ditubuhkan untuk mengkaji dan memantau pelaksanaan dan penyelenggaraan EMS MS ISO 14001 serta memastikan Dasar EMS boleh dipatuhi serta objektif dan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai</p> <pre> graph TD A[JAWATANKUASA PEPANDU EMS] --- B[JAWATANKUASA ISO UPM (JKISO)] B --- C[JAWATANKUASA KERJA EMS] C --- D[Aspek dan Impak Persekitaran] C --- E[Perundangan] C --- F[Objektif, Sasaran dan Program Persekitaran] C --- G[Dokumentasi] </pre> <p>Rajah 1: Struktur Organisasi Sistem Pengurusan Alam Sekitar UPM</p>	P dan T

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		Tambah (T)/Pemotongan-(P)
		Asal	Baharu	
		<p><u>Wakil Pengurusan (WP)</u></p> <p>b) Punca keperluan sumber (kewangan, pekerja dan lain-lain) untuk mempastikan kelancaran pelaksanaan dan penyelenggaraan EMS;</p> <p><u>Peneraju Proses EMS</u></p> <p>c) Memantau dan mengkaji semula prestasi alam sekitar syarikat UPM secara berkala;</p> <p>3.3.2 Kompetensi, Latihan dan Kesedaran</p> <p>UPM telah membangun dan mengekalkan prosedur untuk mendidik semua pegawai berhubung:</p> <p>UPM akan memastikan bahawa semua pegawai adalah cekap dalam menjalankan tugas mereka. Untuk mencapai matlamat ini, latihan yang mencukupi atau kursus-kursus yang berkaitan EMS perlu dijalankan. Dalam hal ini, keperluan latihan EMS hendaklah dikenal pasti melalui fungsi kerja. Individu yang bekerja mengikut fungsi, yang boleh memberi kesan yang besar terhadap alam sekitar akan menerima latihan yang sesuai untuk mencapai kecekapan dalam melaksanakan fungsi kerja. Keberkesanan latihan itu hendaklah dinilai selepas latihan.</p>	<p><u>Wakil Pengurusan (WP)</u></p> <p>b) Punca keperluan sumber (kewangan, sumber manusia dan lain-lain) untuk mempastikan kelancaran pelaksanaan dan penyelenggaraan EMS;</p> <p><u>Peneraju Proses EMS</u></p> <p>c) Memantau dan mengkaji semula prestasi alam sekitar syarikat UPM secara berkala;</p> <p>3.3.2 Kompetensi, Latihan dan Kesedaran</p> <p>UPM telah membangun dan mengekalkan prosedur untuk mendidik semua staf berhubung:</p> <p>UPM akan memastikan bahawa semua staf adalah cekap dalam menjalankan tugas mereka. Untuk mencapai matlamat ini, latihan yang mencukupi atau kursus-kursus yang berkaitan EMS perlu dijalankan. Dalam hal ini, keperluan latihan EMS hendaklah dikenal pasti melalui fungsi kerja. Individu yang bekerja mengikut fungsi, yang boleh memberi kesan yang besar terhadap alam sekitar akan menerima latihan yang sesuai untuk mencapai kecekapan dalam melaksanakan fungsi kerja. Keberkesanan latihan itu hendaklah dinilai selepas latihan.</p>	P dan T

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		Tambah (T)/Pemotongan(P)
		Asal	Baharu	
		<p>3.3.3 Komunikasi</p> <p>d) Memaklumkan tentang pemantauan EMS, audit dan <u>pengurusan semakan semula</u> kepada <u>pegawai</u> berkaitan yang bertanggungjawab dalam urusan prestasi alam sekitar Universiti.</p> <pre> graph TD A[Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar] --> B[Prosedur Pengurusan Alam Sekitar EMSP] B --> C[Arahan Kerja, Garis Panduan, Kaedah Ujian dan lain-lain] C --> D[Rekod Alam Sekitar] </pre> <p>Rajah 2: Struktur Dokumentasi ISO 14001</p> <p>Peneraju Proses EMS membantu <u>EMR</u> dalam menyedia dan menyemak semula Manual Pengurusan Alam Sekitar, Prosedur, Arahan Kerja, Garis Panduan dan lain-lain rekod yang berkaitan.</p> <p>3.3.5. Kawalan Dokumen</p> <p>(d) dokumen EMS yang usang/lama perlu dengan segera dikeluarkan, dan (e) Sebarang dokumen EMS usang disimpan untuk tujuan pemeliharaan undang-undang dan / atau pengetahuan yang sesuai dikenal pasti dengan cara cop pada muka depan yang menunjukkan tujuan pengekalan.</p>	<p>3.3.3 Komunikasi</p> <p>d) Memaklumkan tentang pemantauan EMS, audit dan <u>kajian semula pengurusan</u> kepada <u>staf</u> berkaitan yang bertanggungjawab dalam urusan prestasi alam sekitar Universiti.</p> <pre> graph TD A[Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar] --> B[Prosedur Pengurusan Alam Sekitar] B --> C[Arahan Kerja, Garis Panduan, Kaedah Ujian dan lain-lain] C --> D[Rekod Alam Sekitar] </pre> <p>Rajah 2: Struktur Dokumentasi ISO 14001</p> <p>Peneraju Proses EMS membantu <u>WP dan TWP EMS</u> dalam menyedia dan menyemak semula Manual Pengurusan Alam Sekitar, Prosedur, Arahan Kerja, Garis Panduan dan lain-lain rekod yang berkaitan.</p> <p>3.3.5. Kawalan Dokumen</p> <p>(d) dokumen EMS yang usang/lama perlu dengan segera dikeluarkan <u>atau diarkibkan dalam Sistem Pengurusan ISO UPM (e-ISO)</u>, dan (e) Sebarang dokumen EMS usang <u>yang disimpan dalam bentuk salinan keras</u>, untuk tujuan pemeliharaan undang-undang dan / atau pengetahuan yang sesuai dikenal pasti dengan cara cop pada muka depan yang menunjukkan tujuan pengekalan.</p>	P dan T
				T

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		<u>Tambahan (T)/Pemotongan(P)</u>
		Asal	Baharu	
		<p>3.4.1 Pemantauan dan Pengukuran</p> <p>UPM hendaklah mengekalkan prosedur untuk memantau dan mengukur ciri-ciri utama operasi dan aktiviti-aktiviti yang boleh mempunyai kesan dalam sekitar yang ketara, termasuk kawalan operasi yang berkaitan dengan objektif dan sasaran yang ditetapkan. Pemantauan dan pengukuran alam sekitar hendaklah dilaksanakan berdasarkan data yang direkodkan melalui persampelan, analisis dan ringkasan dalam log alam sekitar.</p>	<p>3.4.1 Pemantauan dan Pengukuran</p> <p>UPM hendaklah mengekalkan prosedur untuk memantau dan mengukur ciri-ciri utama operasi dan aktiviti-aktiviti yang boleh mempunyai kesan dalam sekitar yang ketara, termasuk kawalan operasi yang berkaitan dengan objektif dan sasaran yang ditetapkan. Pemantauan dan pengukuran alam sekitar hendaklah dilaksanakan berdasarkan data yang direkodkan melalui persampelan, analisis dan ringkasan dalam log alam sekitar, <u>dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM</u>.</p>	T

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		Tambah (T)/Pemotongan(P)
		Asal	Baharu	
		<p>LAMPIRAN 1 Model Sistem Pengurusan Alam Sekitar</p>	<p>LAMPIRAN 1 Model Sistem Pengurusan Alam Sekitar</p>	P dan T

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu			Tambah (T)/Pemotongan(P)
		Asal	Baharu		
			<p style="text-align: center;">LAMPIRAN 2 Pemetaan Proses Skop Pembelajaran dan Pengajaran UPM</p> <pre> graph TD DA[Dasar Alam Sekitar] --> AS[• Aspek alam sekitar • Keperluan Perundangan dan Lain-lain • Objektif Alam Sekitar dan Sasaran • Program Alam Sekitar] AS --> RPSO[Rujuk Prosedur Kawalan Operasi (Signifikan)] RPSO --> PK[Penilaian Kepatuhan] RPSO --> MU{Mematuhi Undang-undang?} MU -- Ya --> PU[Pematuhan Undang-Undang] MU -- Tidak --> KK[Kawalan Ketakakuran Produk/ perkhidmatan] KK --> SP[Semakan pengurusan dan Audit] KK --> TP[Tindakan pembetulan dan pencegahan] KK --> PP[Pengukuran dan Pemantauan] KK --> MB[Maklum balas pelanggan] SP <--> TP TP <--> PP PP <--> MB MB <--> SP </pre> <p style="text-align: center;">Proses sokongan: Kawalan dokumen, kawalan rekod, latihan dan kompetensi, Kesediaan kecemasan dan tindak balas, komunikasi</p>	T	

No. CPD	Pemilik Proses	Pernyataan Pindaan/Baharu		Tambah (T)/Pemotongan-(P)
		Asal	Baharu	
EMS 2/2014	BJK UPM	<p>Nama Dokumen: Prosedur Audit (MS ISO 14001:2004) Kod Dokumen: UPM/ISO-EMS/P004 <u>No. Semakan: 00, No. Isu: 01, Tarikh Kuatkuasa: 15/07/2013</u></p> <p>GUGUR</p>	<p>-</p> <p>Prosedur Audit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) digugurkan dan merujuk Prosedur Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008</p>	P
EMS 3/2014	BJK UPM	<p>Nama Dokumen: Prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek Dan Impak Alam Sekitar Kod Dokumen: UPM/ISO-EMS/P001 <u>No. Semakan: 00, No. Isu: 01, Tarikh Kuatkuasa: 15/07/2013</u></p> <p>6.9 Kenalpasti impak alam sekitar yang relevan untuk setiap unsur persekitaran yang dikenalpasti daripada aspek persekitaran.</p>	<p>Nama Dokumen: Prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek Dan Impak Alam Sekitar Kod Dokumen: UPM/ISO-EMS/P001 <u>No. Semakan: 01, No. Isu: 01, Tarikh Kuatkuasa: 20/02/2014</u></p> <p>6.9 Kenalpasti impak alam sekitar yang relevan untuk setiap unsur persekitaran yang dikenalpasti daripada aspek persekitaran.</p> <p>Kenalpasti juga samada impak tersebut bersifat positif atau negatif</p>	T

Lampiran 2

**STATUS PELAN TINDAKAN
MAKLUM BALAS AUDIT TAHAP 1
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (MS ISO 14001:2004)**

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF	TARIKH	STATUS
1.	4.3.1	<p><u>Aspek Alam Sekitar</u></p> <p>i. Prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek dan Impak Alam Sekitar (UPM/ISO-EMS/P001. Semakan:00) tidak menyatakan perkara-perkara berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Impak alam sekitar yang positif/memberi faedah <p>ii. Daftar Aspek dan Impak Persekutaran yang telah diwujudkan perlu ditambahbaik, didapati;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Daftar tidak seragam, didapati terdapat perbezaan format untuk satu proses dengan proses yang lain. - 'Aspek' Alam Sekitar yang digunakan tidak tepat, didapati 	<p><u>Bahagian Jaminan Kualiti</u></p> <p>i. Pindaan pada Prosedur para 6.9 <u>Bagi Isu ii dan iii</u></p> <p>ii. Bengkel Semakan Penilaian Aspek Impak [Pasukan Penilaian Aspek Impak, Audit (sampel SIRIM) dan Pengiring Auditor]</p> <p>iii. Akan memohon PTJ untuk mengemukakan aktiviti di PTJ masing-masing</p> <p><u>BUKTI OBJEKTIF YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA SIRIM</u></p> <p>1. Cadangan Pindaan Dokumen bagi Prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek dan Impak Alam Sekitar (UPM/ISO-EMS/P001) Tindakan : BJK UPM (Seksyen Perkhidmatan Sokongan dan Seksyen Dokumentasi)</p> <p>2. Daftar Aspek dan Impak Persekutaran yang telah ditambah baik Tindakan : BJK UPM (Seksyen Perkhidmatan Sokongan)</p>	Januari 2014 7.1.2014 (Selasa)	Selesai dilaksanakan. Aspek dan Impak dalam dalam proses pemurnian.

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF	TARIKH	STATUS
		Input/Output selalunya digunakan semula untuk direkodkan di 'column' Aspek.			
		<p>iii. Aspek Alam Sekitar dari aktiviti tersenarai di bawah masih belum dikenalpasti dan direkodkan di dalam 'Daftar Aspek dan Impak Persekitaran';</p> <ul style="list-style-type: none"> - Aktiviti Renovasi/Pembinaan Bangunan Tambahan - Operasi 'Boiler' - Operasi Cafe/Restauran/Dapur - Penggunaan Minyak Enjin untuk Operasi Kenderaan Universiti 			
2.	4.3.2	<p>Keperluan Undang-undang dan Keperluan Lain</p> <p>Prosedur Undang-undang dan Keperluan Lain (UPM/ISO-EMS/P002) tidak menerangkan perkaitan di antara keperluan undang-undang yang telah disenarikan dengan Aspek Alam Sekitar.</p> <p>Senarai berikut tidak dikenalpasti di dalam Daftar Undang-undang bertarikh</p>	<p><u>Pejabat Penasihat Undang-Undang</u></p> <p>i. Menambah Environmental Quality (Sewage) Regulation 2009 PU(A)432/2009</p> <p>ii. Menambah Environmental Quality (Industrial Effluent) Regulation 2009 PU(A)434/2009</p> <p>iii. Menambah Environmental Quality (Sewage) Regulation 2009 PU(A)432/2009</p> <p>iv. Menambah Terrestrial Animal Health Code (World Organisation For Animal Health)</p>	Disember 2013 hingga Februari 2014	

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF	TARIKH	STATUS
		<p>04/11/2013;</p> <p>i. Environmental Quality (Sewage) Regulation 2009</p> <p>ii. Environmental Quality (Industrial Effluent) Regulation 2009</p> <p>iii. Kehendak berkaitan Penanaman Bangkai Binatang dari Fakulti Veterinar, rujuk 01E</p> <p>iv. Dasar/Polisi Luar yang berkaitan</p> <p>v. Keperluan-keperluan lain</p>	<p>v. Menambah Akta Perkhidmatan Bomba 1988</p> <p><u>BUKTI OBJEKTIF YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA SIRIM</u></p> <p>1. Cadangan Pindaan Dokumen bagi Prosedur Undang-undang dan Keperluan Lain (UPM/ISO-EMS/P002)</p> <p>Tindakan : Pejabat Penasihat Undang-Undang dan BJK UPM (Seksyen Dokumentasi)</p> <p>2. Daftar Undang-Undang</p> <p>Tindakan : Pejabat Penasihat Undang-Undang</p>		
3.	4.3.3	<p>Objektif, matlamat dan program</p> <p>Pihak UPM perlu mengambilkira penetapan sasaran yang lebih mudah diukur dalam semua objektif yang ditetapkan.</p>	<p>Pihak UPM perlu mengambilkira penetapan sasaran yang lebih mudah diukur dalam semua objektif yang ditetapkan</p> <p>i. Mengenalpasti objektif dan sasaran yang menepati dan tidak menepati kehendak sirim sebagai mudah diukur melalui perbincangan dengan peneraju. Contohnya denda sifar menepati kriteria, manakala pengurangan penggunaan kertas dan elektrik sukar dianggap oleh auditor sebagai sukar diukur disebabkan dinamik populasi dan aktiviti.</p> <p>ii. Menetapkan sasaran baru yang memenuhi kriteria mudah</p>	31.12.2013 31.12.2013	

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF			TARIKH	STATUS																								
			<p>diukur bagi sasaran yang tidak memenuhi kriteria.</p> <p>iii. Menetapkan objektif dan sasaran bagi 'signifikan' yang baru sekiranya ada bergantung kepada penemuan dari semakan aspek dan impak.</p> <p>* Objektif 5 Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik</p> <p>Cadangan menukar objektif selaras dengan objektif 6,7,8 iaitu</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Objektif</th><th>Base line</th><th>Sasaran</th><th>Baseline</th><th>sasaran</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundungan yang ditetapkan</td><td>Denda sifar</td><td>100%</td><td>Kekal</td><td>100% kekal denda sifar</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundungan yang ditetapkan</td><td>100% melaksanakan proses pelupusan sisa buangan terjadual tidak melebihi 180hari/20 tan metrik penyimpanan sisa</td><td>100%</td><td>Denda Sifar</td><td>100% kekal denda sifar</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan</td><td>• 100% inventori bahan kimia</td><td>100% 100%</td><td>Denda Sifar</td><td>100% kekal denda sifar</td></tr> </tbody> </table>			Bil	Objektif	Base line	Sasaran	Baseline	sasaran	1.	Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundungan yang ditetapkan	Denda sifar	100%	Kekal	100% kekal denda sifar	2.	Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundungan yang ditetapkan	100% melaksanakan proses pelupusan sisa buangan terjadual tidak melebihi 180hari/20 tan metrik penyimpanan sisa	100%	Denda Sifar	100% kekal denda sifar	3.	Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan	• 100% inventori bahan kimia	100% 100%	Denda Sifar	100% kekal denda sifar	Selepas 07.01.2014	
Bil	Objektif	Base line	Sasaran	Baseline	sasaran																										
1.	Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundungan yang ditetapkan	Denda sifar	100%	Kekal	100% kekal denda sifar																										
2.	Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundungan yang ditetapkan	100% melaksanakan proses pelupusan sisa buangan terjadual tidak melebihi 180hari/20 tan metrik penyimpanan sisa	100%	Denda Sifar	100% kekal denda sifar																										
3.	Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan	• 100% inventori bahan kimia	100% 100%	Denda Sifar	100% kekal denda sifar																										

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF						TARIKH	STATUS											
			<table border="1"> <tr> <td></td><td>perundangan yang yang ditetapkan</td><td>dikawal selia</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td></td><td></td><td>• 100% bahan kimia disimpan mengikut peraturan</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table> <p><u>BUKTI OBJEKTIF YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA SIRIM</u></p> <p>1. Cadangan Pindaan Dokumen bagi pindaan Objektif, Matlamat dan Program dan Objektif, Matlamat dan Program yang baharu</p> <p>Tindakan : BJK UPM (Seksyen Perkhidmatan Sokongan dan Seksyen Dokumentasi)</p>		perundangan yang yang ditetapkan	dikawal selia								• 100% bahan kimia disimpan mengikut peraturan							
	perundangan yang yang ditetapkan	dikawal selia																			
		• 100% bahan kimia disimpan mengikut peraturan																			
4.	4.4.2	<u>Kompetensi, Latihan dan Kesedaran</u> Organisasi masih belum menyenaraikan pihak-pihak yang akan tugasnya memberi kesan secara langsung atau secara tidak langsung kepada alam sekitar, dan seterusnya mengenalpasti kelayakannya dari segi pendidikan, pengalaman ataupun latihan.	<u>Seksyen Latihan Bukan Akademik, Pejabat Pendaftar</u> <ul style="list-style-type: none"> i. Kenalpasti pihak-pihak yang tugasnya memberi kesan kepada alam sekitar (dapat dari setiap peneraju) tugas/kompetensi Senarai tugas : surat pelantikan bagi jawatan tertentu (ditentukan oleh universiti) contohnya pegawai sinaran ii. Sediakan senarai - tentukan tugas, nama pegawai, no kakitangan, PTJ (<i>directory lengkap UPM</i>) iii. Semakan senarai tugas individu (tugas-tugas EMS telah dimasukkan dalam senarai tugas individu) iv. Semak keperluan latihan yang berkaitan dengan EMS telah dilaksanakan atau tidak 	Sebelum 24 Januari 2014 (Jumaat)																	

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF	TARIKH	STATUS
			<p style="text-align: center;"><u>BUKTI OBJEKTIF YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA SIRIM</u></p> <p>1. Senarai staf merangkumi pendidikan, pengalaman atau latihan) yang memberi kesan secara langsung dan tidak kepada Alam Sekitar</p> <p>Tindakan : Seksyen Latihan Bukan Akademik, Pejabat Pendaftar</p>		
5.	4.4.3	<u>Komunikasi</u> Pihak UPM perlu membuat keputusan sama ada mahu berkomunikasi mengenai EMS dan perlu mendokumentkan keputusan tersebut. Pihak Universiti perlu mendapatkan kepastian bertulis dari Jabatan Alam Sekitar berkaitan pelepasan udara dari kebuk wasap di semua makmal pengajaran.	<p><u>Pejabat Pemasaran dan Komunikasi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bawa ke mesyuarat pengurusan Marcomm ii. Pindaan dokumentasi - Web banner/FB UPM/<i>banner (billboard)</i> – Mendapatkan kelulusan JKISO untuk kelulusan <p><u>Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> iii. Membuat surat kepada Jabatan Alam Sekitar berkenaan pelepasan udara dari kebuk wasap di semua makmal UPM <ul style="list-style-type: none"> - Memanggil DOE untuk lawatan tapak (Kebuk asap/STP) - Mengeluarkan email/surat kepada pihak DOE menyatakan pemahaman berkaitan permohonan bagi kelulusan pemasangan cerobong & serobong. - Mengeluarkan surat semua PTJ yang berkaitan untuk mendapatkan data. 	12.12.2013 04.02.2014 31.12.2013 31.12.2013	PPKP telah menghubungi melalui panggilan telefon dengan pihak DOE pada 6 Januari 2014 dan hasil perbincangan pihak DOE mencadangkan agar melantik pihak perunding untuk mengenalpasti cerobong/serombong yang perlu didaftarkan.

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF	TARIKH	STATUS
			<ul style="list-style-type: none"> - Mengeluarkan surat peringatan kepada PTJ bagi dapatkan data cerobong/serombong. <p><u>Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Surat kepada Bengkel luar yang membuat penyelenggaraan bas (Tindakan HEPA) <p><u>BUKTI OBJEKTIF YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA SIRIM</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keputusan berkaitan komunikasi mengenai EMS <ul style="list-style-type: none"> - Minit Mesyurat Pengurusan MARCOMM (Petikan Minit yang berkaitan) Tindakan : Pejabat Pemasaran dan Komunikasi 2. Cadangan Pindaan Dokumen bagi pindaan Prosedur Komunikasi <ul style="list-style-type: none"> Tindakan : BJK UPM (Seksyen Perkhidmatan Sokongan dan Seksyen Dokumentasi) 		<p>Surat pengumpulan data cerobong/serombong kepada semua PTJ telah dikeluarkan pada 10 Disember 2013. (Sebanyak 30 daripada 82 PTJ yang memberi maklum balas sehingga setakat 29 Januari 2014)</p> <p>- belum dilaksanakan</p>

BIL.	KLAUSA	ISU-ISU YANG DIKENAL PASTI	TINDAKAN/BUKTI OBJEKTIF	TARIKH	STATUS
			<p>3. Bukti bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar berkaitan pelepasan udara dari kebuk wasap di semua makmal pengajaran</p> <p>Tindakan : Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</p> <p>4. Surat kepada Bengkel luar yang membuat penyelenggaraan bas</p> <p>Tindakan: Pejabat Pemasaran dan Komunikasi/HEPA</p>		
